



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 16 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	MAFI DAPATKAN LAPORAN PENUH VETERINAR, NEGERI PERAK/P.PINANG/KEDAH, SH -27 TELUR DI PASARAN DIJAMIN SELAMAT, NASIONAL, BH -18 PERIKSA SEMUA LADANG TERNAKAN AYAM DAN ITIK, NEGERI PERAK/P.PINANG/KEDAH, SH -27 BEKALAN TELUR DI PASARAN TEMPATAN CUKUP, DALAM NEGERI, UM -13 PENGGUNA LEGA HARGA TELUR TURUN, LOKAL, HM -21 BEKALAN TELUR DI PASARAN TEMPATAN DIJAMIN MENCUKUPI, NEGARA, KOSMO -16 DUA PEMANAH ANJING KENA REMAN TIGA HARI, NASIONAL, BH -23 DUA LELAKI DIREMAN TIGA HARI PANAH ANJING, DALAM NEGERI, UM -29 DUO HELD OVER KILLING DOG WITH BOW AND ARROW, NATION, THE STAR -6 DUA LELAKI PANAH ANJING DIREMAN 3 HARI, LOKAL, HM -5	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
11.	MARDI LANCAR PELAN ANTIRASUAH 2021-2025, NASIONAL, BH -6	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
12. 13. 14. 15. 16. 17.	MAFI AKAN PERKENAL INSURANS PERTANIAN, ASTRO AWANI -ONLINE MAFI CONFIDENT INSURANCE SCHEME FOR AGRICULTURE INDUSTRY WILL BE REALISED SOON, UTUSAN BORNEO -ONLINE INSURANCE FOR AGRICULTURE INDUSTRIES, NEWS WITH BORDERS, THE SUN -2 SKIM INSURANS UNTUK INDUSTRI AGROMAKANAN, NASIONAL, BH -6 FELDA, AGROBANK KERJASAMA TINGKAT PEROLEHAN PENEROKA, NASIONAL, BH -8 RM100J PEMBANGUNAN PENEROKA, EKONOMI, UM -37	AGROBANK
18.	FAMA BOLEH PASARKAN BUAH, DALAM NEGERI, UM -12	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
19. 20. 21. 22. 23. 24. 25.	POKOK STRAWBERI DARI SELISING LARIS, DALAM NEGERI, UM -12 NASIB 300 NELAYAN MASIH SAMAR, NEGERI JOHOR/MELKA, SH -26 'BAGAIMANA KAMI HENDAK CARI REZEKI?', NEGARA, KOSMO -16 JANGAN ANIAYA HAIWAN, SERAH PADA PBT, DALAM NEGERI, UM -29 PROBE PAPERS ON MEAT CARTEL SUSPECTS SUBMITTED, NATION/NEWS, NST -7 HASIL HARUMANIS MEROSOT, DALAM NEGERI, UM -13 BAKA HYPHRAM FRANCE POTENSI PENGELUARAN DAGING ARNAB, GAYA TANI, UM -24&25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ P. PINANG/ KEDAH	27

MAFI dapatkan laporan penuh veterinar

Rakyat tak perlu panik kerana bukan berlaku di seluruh negara

Oleh **WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR**

JITRA

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mendapatkan laporan penuh daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengenai isu telur tercemar dengan Salmonella Enteritidis (SE) yang dikesan di Singapura dari sebuah ladang ayam di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, bagaimanapun ladang tersebut telah dikenal pasti oleh DVS.

“Saya belum diberikan pencerahan jelas tentang isu ini (telur tercemar) tapi info awal yang saya dapat adalah hanya satu ladang yang telah diarah tarik balik oleh kerajaan Singapura.

“Saya rasa itu hanyalah jangkitan tertentu di ladang yang tertentu. Masalah ini bukannya wabak berlaku di semua ladang di seluruh Malaysia,” katanya pada sidang akhbar selepas Program Penyerahan Bantuan Tanaman Tabung Bencana Tanaman Padi Bulan September dan Oktober 2020 di Pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) H-II, Jitra pada Isnin.

Beliau mengulas tentang laporan media pada Sabtu mengenai empat pengimport di Singapura telah diarahkan untuk menarik balik pasaran telur yang dihasilkan dari Malaysia.



Ronald Khandee (empat dari kanan) bersama wakil penerima Bantuan Banjir Tabung Bencana Tanaman Padi Bulan September dan Oktober 2020 bagi kawasan Muda yang berjumlah RM2.1 juta di pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) H-II Jitra pada Isnin.

La berkaitan penemuan SE dalam produk itu yang boleh menyebabkan penyakit bawaan makanan sekiranya dimakan secara mentah atau kurang masak.

Mengulas lanjut, beliau berkata, secara keseluruhannya

rakyat di negara ini tidak perlu panik dengan perkara tersebut kerana kejadian tersebut bukan berlaku di seluruh negara.

Telur di pasaran dijamin selamat

Penemuan bakteria SE hanya babitkan satu ladang

Oleh M. Hizauddin Ikhsan
hizauddin@bh.com.my

Jitra: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan telur dalam pasaran tempatan selamat dimakan kerana penemuan bakteria Salmonella Enteritidis (SE) oleh pihak berkuasa Singapura hanya membabitkan satu ladang.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khandee, berkata agensi tempatan akan mendapatkan laporan penuh daripada Agensi Makanan Singapura (SEA) yang mengarahkan telur dihasilkan Lay Hong Berhad ditarik balik dari negara itu.

Katanya, siasatan lanjut itu bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin.

"Daripada maklumat awal yang diterima, kejadian ini hanya membabitkan satu ladang dan kumpulan pengeluaran tertentu



Ronald (empat dari kanan) bersama penerima bantuan pada Program Penyerahan Bantuan Banjir Tabung Bencana Tanaman Padi Bulan September dan Oktober 2020 di Jitra, semalam. (Foto BERNAMA)

Kita kena faham masalah ini hanya membabitkan ladang tertentu dan ia bukan wabak di semua ladang di Malaysia. Secara umum, telur di pasaran (Malaysia) masih selamat.

Ronald Khandee,
Menteri Pertanian
dan Industri Makanan

dengan ladang tersebut sudah di maklumkan mengenai tindakan yang diambil SFA.

"Kita kena faham masalah ini hanya membabitkan ladang tertentu dan ia bukan wabak di semua ladang di Malaysia.

"Secara umum, telur di pasaran (Malaysia) masih selamat," kata-

nya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu beliau menghadiri Program Penyerahan Bantuan Banjir Tabung Bencana Tanaman Padi Bulan September dan Oktober 2020.

Ronald berkata, pihaknya akan mengeluarkan kenyataan lengkap ber-

kaitan kejadian itu secepat mungkin bagi menjelaskan keadaan sebenar kepada orang ramai.

SFA sebelum ini mengarahkan empat pengimport untuk menarik balik daripada pasaran telur yang dihasilkan di Lay Hong Berhad Layer Farm, sebagai langkah ber-

jaga-jaga.

Kenyataan yang dikeluarkan di laman sesawang SFA menyatakan arahan itu dibuat berikutan penemuan bakteria SE pada produk berkenaan yang boleh menyebabkan penyakit disebabkan maknan, jika ia dimakan secara mentah atau separuh masak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ P.PINANG/ KEDAH	27

Periksa semua ladang ternakan ayam dan itik

GEORGETOWN

- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa pihak berkuasa menyasat semua ladang ternakan ayam dan itik di negara ini bagi memastikan pemiliknya mematuhi peraturan keselamatan makanan.



MOHIDEEN

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, tindakan itu perlu dibuat bagi memantau kaedah ternakan yang digunakan termasuk risiko yang mungkin menyumbang kepada pencemaran Salmonella Enteritidis.

Menurutnya, kerajaan juga perlu menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyasat kelemahan sistem pemantauan negara membabitkan keselamatan makanan.

“Laporan berulang mengenai produk makanan Malaysia yang tidak selamat oleh pihak berkuasa negara luar jelas menunjukkan pemantauan keselamatan makanan kita masih belum mencukupi.

“Tindakan pihak berkuasa Singapura mengarahkan telur dari sebuah ladang di Kuala Selangor ditarik balik jelas menunjukkan penduduk Malaysia, dianggap pengguna kelas kedua apabila membabitkan soal keselamatan makanan,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

Bekalan telur di pasaran tempatan cukup

HULU TERENGGANU: Kerajaan memberi jaminan bekalan telur di pasaran tempatan tidak terjejas susulan penarikan balik telur keluaran ladang CES 008 milik syarikat Lay Hong Berhad yang diceburi bakteria Salmonella Enteritidis (SE).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, negara mempunyai 50 syarikat pengeluar telur ayam terbesar dan bekalan di pasaran mencukupi untuk menampung permintaan orang ramai termasuk Ramadan.

Katanya, sepanjang 1 hingga 7 Mac, pengeluaran telur ayam di Malaysia sebanyak 206,457,920 biji dengan baki semasa 68,712,011 biji.

"Setakat ini, isu SE tidak memberi kesan terhadap pasaran tempatan dan harga telur juga masih kekal, jadi saya minta pengguna tidak melakukan pembelian panik.

"Peniaga pula diingatkan tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga telur susulan isu ini kerana tindakan boleh diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya kepada pemberita selepas meninjau jualan kedai runcit bergerak, Prihatin Mart di pekarangan Masjid Al-Amin Kampung Buluh, di sini semalam.

Kelmarin, Singapura arah empat pengimport menarik balik telur yang dihasilkan syarikat terbabit sebagai langkah berjaga-jaga berikutan penemuan SE yang boleh menyebabkan penyakit jika makanan itu dimakan secara mentah atau separuh masak.

Dalam perkembangan lain, Rosol berkata, Kementerian tidak pernah melantik mana-mana orang tengah atau ejen bagi mendapatkan lesen jualan langsung.

Pengguna lega harga telur turun

Kuala Lumpur: Rata-rata pengguna lega apabila harga sepapan telur mengikut gred di pasaran diturunkan sehingga 80 sen.

Peniaga gerai makan, Atan Mulut, 55, berkata, harga telur sejak semalam turun berbanding minggu sebelumnya.

"Telur sejak semalam murah, kalau nak kira satu biji, harga turun sehingga dua dan tiga sen bergantung kepada gred.

"Ia memberi kesan kepada kami sebagai peniaga dan berharap isu penarikan semula telur di Singapura tidak menjejaskan harga telur kerana kami peniaga gerai makanan baru memulakan perniagaan dengan kapasiti penuh," katanya, semalam.

Sementara itu, peniaga kek dalam talian, Farahin Abd Rahman, 32, berkata, beliau turut berharap isu telur di Singapura tidak menjejaskan harga bekalan makanan itu.

"Saya bimbang dengan isu itu jika tiba-tiba harga naik tidak masuk akal.

"Kami peniaga antara yang paling terjejas jika ia berlaku kerana menanggung kos pengeluaran yang tinggi. Saya juga tidak mahu meningkatkan harga jualan kek kerana bimbang pelanggan lari dan akhirnya pasrah sedikit untung," katanya.

Semalam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membuat penilaian kesan terhadap bekalan telur di pasaran domestik dengan kerjasama



ATAN



FARAHIN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ia susulan arahan Singapura bagi empat pengimport menarik balik telur oleh syarikat Malaysia.

Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP dalam satu kenyataan dilaporkan berkata, kementerian itu maklum dengan arahan itu yang dikeluarkan Singapura kepada empat pengimport susulan dakwaan penemuan *Somnella Enteritidis* (SE) seperti dilaporkan media.

Bekalan telur di pasaran tempatan dijamin mencukupi

HULU TERENGGANU - Bekalan telur di pasaran dijamin mencukupi untuk menampung permintaan orang ramai termasuk pada bulan Ramadhan biarpun larian menjual telur keluaran larian CES 008 milik syarikat Lay Hong Berhad kerana dicemari bakteria *Salmonella Enteritidis* (SE) dikuat kuasa kerajaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, negara mempunyai 50 syarikat pengeluar telur ayam terbesar dan bekalan di pasaran mencukupi

sebanyak 206,457,920 biji dengan baki semasa ialah 68,712,011 biji.

"Setakat ini, isu SE tidak memberi kesan terhadap pasaran tempatan dan harga telur juga masih kekal, jadi saya minta pengguna agar tidak melakukan pembelian panik

"Periaga pula diingatkan agar tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga telur susulan isu ini kerana tindakan boleh diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencantutan 2011," katanya.

Beliau ditemui selepas minijau jualan kedai runcit bergerak,



KERATAN Kosmo! semalam.

untuk mampu menampung permintaan orang ramai.

Katanya, sepanjang 1 Mac hingga 7 Mac lalu, pengeluaran telur ayam di Malaysia adalah

Prihatin Mart di pekarangan Masjid Al-Amin Kampung Buhuh, di sini semalam.

Rosol berkata, tindakan tegas mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 boleh diambil terhadap peniaga yang sengaja menaikkan harga telur ayam untuk mengaut keuntungan mudah.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu syarikat mendapati Lay Hong hanya mengeksport telur ayam gred A dan B dari Ladang CES 008 untuk pasaran Singapura.

Kosmo! semalam melaporkan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengarahkan telur keluaran Ladang CES 008 milik Lay Hong tidak dibenarkan dijual untuk pasaran tempatan sebagai telur sajian sehingga keputusan siasatan diperoleh.

Sebelum ini, Singapura telah mengarahkan empat pengimport untuk menarik balik telur ayam yang dibawa masuk dari sebuah syarikat di Malaysia dari pasaran negara itu berikutan penemuan bakteria SE yang boleh menyebabkan penyakit jika dimakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	23



Dua lelaki yang disyaki memanah anjing liar direman dan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. (Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

Dua pemanah anjing kena reman tiga hari

Alor Setar: Dua lelaki yang disyaki terbabit melakukan penganiayaan terhadap anjing liar dengan memanah haiwan itu sehingga mati di Seberang Jalan Putra, direman tiga hari untuk membantu siasatan.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Ahmad Shukri Mat Akhir, berkata perintah reman terhadap mereka hingga Rabu ini bagi membantu melancarkan siasatan kes terbabit.

Dalam kejadian itu, polis menerima laporan daripada seorang pengadu yang memaklumkan kejadian anjing dipanah sehingga

mati di Seberang Jalan Putra, seperti ditular di laman sosial, Sabtu lalu.

Berikutan itu, polis menahan dua lelaki secara berasingan pada jam 4 dan 5 petang di sebuah kelab golf di Jitra dan tepi jalan Kampung Hilir, Kepala Batas, di sini, semalam untuk membantu siasatan.

Kedua-dua suspek diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 29(1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015/ Seksyen 45 Akta Binatang 1953.

Dua lelaki direman tiga hari panah anjing

ALOR SETAR: Dua lelaki direman tiga hari bermula semalam kerana disyaki memamah seekor anjing sehingga mati yang tular dalam media sosial, baru-baru ini.

Perintah tahanan reman terhadap kedua-dua individu berkenaan yang berusia 30-an dan 20-an dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Alor Setar, Noor Liyana Abd. Rahim.

Sementara itu, permohonan reman untuk membantu siasatan terhadap kes tersebut dikemukakan oleh Pegawai Penerimaan Bahagian Penguat kuasa

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah, Mohd. Azoni Bidin.

Terdahulu dua individu berkenaan yang dipercayai memiliki pertalian keluarga sebagai bapa dan anak saudara tiba di lokap mahkamah dengan menaiki kenderaan 'Black Maria' polis kira-kira pukul 10.50 pagi.

Kedua-dua mereka yang merupakan peniaga makanan di-tahan kira-kira pukul 4 dan 5 petang di Darulaman Height, Jalan Golf & Country Club, Jitra serta tepi jalan di Kampung

Hilir, Kepala Batas dekat sini, semalam.

Kelmarin tular di media sosial rakaman kamera litar tertutup (CCTV) memaparkan tindakan kejijam salah seorang daripada mereka memamah seekor anjing liar.

Kejadian itu dipercayai berlaku antara pukul 4.21 pagi hingga 5.26 pagi, 11 Mac lalu di kawasan Seberang, Jalan Putra, di sini.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 29(1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015/ Sek 45 Akta Bina-tang 1953.



DUA suspek yang dipercayai terlibat dalam kejadian memamah anjing liar dibawa ke Kompleks Mahkamah Alor Setar, Kedah semalam. - UTUSAN/MOHD. RAFIE AZIMI

Duo held over killing dog with bow and arrow

By GC TAN
north@thestar.com.my

ALOR SETAR: Two men who were alleged to have killed a stray dog with a bow and arrow last week have been remanded for three days.

The suspects – a char koay teow seller and a yong tau foo seller – were brought to court at 10.50am yesterday.

The state Veterinary Services Department enforcement division investigation officer Mohd Azoni Bidin and several other officers were present during the proceedings.

They requested a remand order under Section 117 of the Criminal Procedure Code to assist in investigations.

The Magistrate's Court assistant registrar Noor Liyana Abd Rahim issued the remand order until tomorrow.



Deadly weapons: Veterinary Services officers (left) with bows belonging to the suspects and the arrows in a black tube in Alor Setar. – G.C. TAN/The Star

arrows from the house.

Both men have no previous record and tested negative for drugs. Earlier, police received a report from a complainant who had viewed the uploaded CCTV footage of the incident on a Facebook account.

The recording, taken from one of the shops, which went viral on social media and caused a public outcry, showed a man shooting the dog with a bow and arrow and killing it between 4.21am and 5.26am

On Sunday, Kota Setar OCPD Asst Comm Ahmad Shukri Mat Akhir said the suspects, in their 20s and 30s, were arrested separately at 4pm and 5pm at a house in Darulaman Height in Jitra and by the roadside of Jalan Kg Hilir Kepala Batas.

He said the older suspect was from Seberang Terus low-cost flats while the other was from Taman Pinang Jaya, Bukit Pinang.

Police also seized two bows, a black arrow storage tube and 21

in Lorong 3, off Jalan Putra on March 11.

The case was being investigated under Section 29 (1) (e) of the Animal Welfare Act, which carries a fine of between RM20,000 and RM100,000 or three years' jail, or both, for animal cruelty.



Watch the video
TheStarTV.com

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2021	HARIAN METRO	LOKAL	5



POLIS menahan suspek pertama (tengah) dan suspek kedua (baju hitam, belakang) yang disyaki membunuh anjing dengan menggunakan alat memanah di Seberang Jalan Putra untuk membantu siasatan.

Dua lelaki panah anjing direman 3 hari

Alor Setar: Dua lelaki disyaki melakukan penganiayaan terhadap anjing liar dengan memanah haiwan itu sehingga mati di Seberang Jalan Putra di sini, direman tiga hari bermula semalam.

Ketua Polis Daerah Kota Setar Asisten Komisioner Ahmad Shukri Mat Akhir

berkata, mereka direman sehingga esok bagi membantu siasatan lanjut.

Terdahulu, polis menerima laporan daripada pengadu memaklumkan kejadian anjing liar dipanah sehingga mati di Seberang Jalan Putra seperti yang ditular di laman sosial pada Sabtu lalu.

Berikutan itu, polis berjaya menahan dua lelaki di sebuah kelab golf di Jitra dan tepi jalan Kampung Hilir, Kepala Batas, kelmarin untuk membantu siasatan.

Kedua-dua suspek berusia 20-an serta 30-an diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk

siasatan mengikut Seksyen 29(1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Seksyen 45 Akta Binatang 1953.

Polis turut merampas dua busur panah, satu tabung pengisi anak panah warna hitam dan 21 anak panah yang ditemui di rumah suspek pertama.

MARDI lancar Pelan Antirasuah 2021-2025

Serdang: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) semalam melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2025 dengan fokus kepada enam bidang keutamaan kewangan, penyelidikan, pendidikan teknologi, tadbir urus, pentadbiran dan pembangunan kapasiti sumber manusia.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd Nor, berkata pelan itu akan membantu MARDI menangani isu tadbir urus, integriti dan antirasuah secara menyeluruh, selain tindakan undang-undang diambil terhadap individu yang sengaja menyebabkan ketirisan, pemborosan atau pembaziran dana kerajaan.

Beliau berkata, pelaksanaan OACP itu amat signifikan dalam mencerminkan usaha MARDI untuk terus menyokong kerajaan dan aspirasi rakyat Malaysia bagi membentuk sebuah negara yang bebas rasuah dengan warungnya membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

"Pelan ini diharap akan menjamin reputasi dan prestasi MARDI sebagai sebuah agensi kera-



Mohamad Roff (dua dari kiri) dan Abu Kassim (tiga dari kiri) pada majlis pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi MARDI 2021-2025 di Ibu Pejabat MARDI, Serdang, semalam. (Foto BERNAMA)

jaan daripada pelbagai peneruaan ketidakakuran peraturan yang sedang berkuai kuasa, tohmahan rasuah dan tatakeltahuan dalam kalangan warga MARDI," katanya ketika melancarkan OACP MARDI itu.

Katanya, OACP itu dibangunkan melalui kaedah analisis teliti berdasarkan pangkalan data dan perancangan senario untuk mengenal pasti bidang keutamaan yang memerlukan perhatian se-

rius dan seterusnya menetapkan pelan tindakan praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah untuk tempoh lima tahun.

Bekas Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed yang turut hadir pada majlis itu, berkata OACP MARDI adalah langkah proaktif untuk mencegah dan memasti-

kan isu tadbir urus, integriti dan antirasuah dikendalikan secara Pencegahan, iaitu tindakan diambil sebelum perkara itu berlaku.

Beliau menegaskan, jenayah rasuah dan penyelewengan masih boleh berlaku di agensi atau jabatan kerajaan yang disifatkan sebagai 'berisiko rendah' memandangkan setiap agensi mempunyai peruntukan dana serta belanja daripada kerajaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

MAFI akan perkenal skim insurans pertanian



Ronald Kiandee memaklumkan pada masa ini model polisi insurans itu sedang dibangunkan oleh Agrobank dengan kerjasama MARDI serta penyedia insurans. - Astro AWANI

JITRA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yakin cadangannya berhubung skim insurans untuk pemain sektor pertanian dan agromakanan dapat direalisasikan tidak lama lagi susulan kerjasama dengan syarikat insurans di negara ini.

Menterinya Datuk Seri Ronald Kiandee memaklumkan pada masa ini, model polisi insurans itu sedang dibangunkan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta penyedia insurans.

"Sedang dalam perbincangan oleh pihak MAFI dan juga Agrobank. Kita adakan mesyuarat dan mereka telah pun membentangkan model-model yang sesuai dengan kerjasama dengan pihak

industri.

"Jadi, kita bergerak ke arah negara mempunyai skim insurans untuk industri pertanian," jelas Ronald.

.Terdahulu, beliau menghadiri Program Penyerahan Bantuan Banjir Tabung Bencana Tanaman Padi Bulan September dan Oktober 2020 di Jitra, pada Isnin.

Ronald berkata pelaksanaan skim insurans itu bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk mengindustrikan sektor pertanian dan agromakanan di negara ini, khususnya dalam industri padi dan beras negara menerusi program Smart Bersawah Berskala Besar (Smart SBB).

Katanya, Smart SBB ini bertujuan mengoptimumkan penggunaan sumber, selain meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman padi dan pengeluaran hasil.

Beliau menambah, MAFI menasarkankan peningkatan hasil purata per hektar nasional kepada tujuh tan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) berbanding 3.5 tan sekarang.

Jelasnya, dalam tempoh jangka panjang, program Smart SBB ini dijangka membantu negara mencapai sasaran SSL beras yang telah ditetapkan dalam tempoh RMK12 iaitu sebanyak 75 peratus.

"Kita mencadangkan agar kerajaan membelanja beberapa bilion ringgit untuk menambah kawasan jelapang padi yang sedia ada, bagi tujuan meningkatkan produktiviti serta tahap sara diri (SSL). Kerajaan kata jelapang padi sedia ada boleh diurus secara baik.

"Juga, SSL negara boleh dipertingkatkan kebergantungan import boleh dikurangkan dengan pengurusan tanah dan jelapang yang sedia ada, infrastruktur yang sedia ada dengan pengurusan yang lebih efisien," tambahnya.

Mengenai penyerahan bantuan itu, Ronald berkata MAFI meluluskan peruntukan berjumlah RM2.19 juta kepada 1,009 peladang melibatkan 1,278 hektar di Kawasan Muda yang terjejas oleh bencana banjir pada September dan Oktober tahun lepas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAFI confident insurance scheme for agriculture industry will be realised soon

JITRA: The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is confident that its suggestion of an insurance scheme for agriculture and agrofood industry players will be realised soon, thanks to the assistance from insurance companies in the country.

Its minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the insurance policy model was being developed by Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) in collaboration with the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) and insurance providers.

"I feel that we (MAFI) will soon be presented with policy models that can be created with the assistance of insurance industry players," he told a media conference after an aid presentation ceremony here yesterday.

In his speech, Ronald said the implementation of the insurance scheme would be in line with the government's intent to industrialise the agriculture and agrofood sectors in the country, especially the paddy industry through the Large-Scale Smart Field (Smart SBB) programme.

He said the programme aimed to optimise the use of resources, as well as increase the efficiency of paddy planting and yields, adding that the ministry has targeted a national increase in average yield from 3.5 metric tonnes per hectare to seven metric tonnes per hectare during the 12th Malaysia Plan (RMK12).

"In the long term, the SMART SBB programme is expected to help the country achieve the self-sufficiency level for paddy set under the RMK12, which is 75 per cent," he said.

Regarding the aid presentation, Ronald said the ministry approved RM2.19 million in allocation through the disaster fund to 1,009 farmers encompassing 1,278 hectares in the Muda region who were affected by floods in the state in September and October last year. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2021	THE SUN	NEWS WITH BORDERS	2

Insurance for agriculture industries

JITRA: The Ministry of Agriculture and Food Industries is confident that its suggestion of an insurance scheme for agriculture and agrofood industry players will be realised soon, thanks to the assistance from insurance companies.

Its minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, said the insurance policy model was being developed by Bank Pertanian Malaysia Berhad, the Malaysian Agricultural Research and Development Institute and insurance providers.

"I feel that we will soon be presented with policy models that can be created with the assistance of insurance industry players," he told a media conference after an aid presentation ceremony yesterday.

Ronald said the implementation of the insurance scheme would be in line with the government's intent to industrialise the agriculture and agrofood sectors, especially the padi industry via a Large-Scale Smart Field programme. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

Skim insurans untuk industri agromakanan

Jitra: Kerajaan bakal mewujudkan skim insurans baharu untuk industri agromakanan bagi memastikan semua pihak berkaitan dilindungi pada masa hadapan, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, pihaknya sudah melantik Agrobank bagi mengetuai usaha itu termasuk bertemu wakil industri dan petani bagi mendapatkan pandangan mengenai skim itu yang sudah lama dilaksana di China, Korea Selatan, Filipina dan Vietnam bagi memastikan tahap keselamatan makanan terjamin.

“Malaysia antara negara belum mempunyai skim insurans agromakanan dan bergerak ke hadapan, kerajaan mendapati industri ini perlu ada perlindungan secara menyeluruh.

“Agrobank sudah diminta merangka model skim polisi yang sesuai dilaksanakan dan mereka akan bantangkan kepada kerajaan,” katanya.



Pengarah Besar FELDA, Datuk Amiruddin Abdul Satar (dua dari kiri) dan Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar bertukar dokumen perjanjian sambil disaksikan Idris (tiga dari kiri) dan Mustapha (tiga dari kanan) pada majlis memeterai PPP antara FELDA dan Agrobank di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BF)

FELDA, Agrobank kerjasama tingkat perolehan peneroka

Model baharu PPP babit 100 koperasi tumpu projek berskala besar, bernilai tinggi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: FELDA menjalin kerjasama dengan Agrobank dalam membentuk model baharu Program Pembangunan Peneroka (PPP) bernilai RM100 juta untuk meningkatkan pendapatan warga peneroka.

Model baharu PPP itu akan membabitkan 100 koperasi peneroka dan 500 individu dengan usaha sama berkenaan akan memupuk pelaksanaan projek berskala besar dan bernilai tinggi.

Projek yang dipilih dan dirancang adalah dengan pembabitkan peserta industri yang bernaung di bawah Agrobank dan sudah terbukti kejayaan mereka dalam bidang masing-masing.

Model baharu itu menggariskan bahawa peserta industri akan membeli semula hasil yang dikeluarkan dan menguruskan operasi projek bagi menyelesaikan isu kemampuan warga peneroka berumur untuk menguruskan kerja pertanian.

Dalam usaha sama itu, FELDA berperanan sebagai badan yang

mengenal pasti lokasi dan kumpulan sasar daripada kalangan peneroka dan koperasi rancangan untuk projek itu dijalankan dan mencadangkan lokasi berkenaan kepada Agrobank.

Agrobank seterusnya pula akan menilai kesesuaian tapak dan mencadangkan jenis projek dan pemain industri yang bersesuaian.

Setiap peneroka atau koperasi rancangan yang layak akan menerima geran daripada FELDA bagi kos modal tertakluk kepada nilai maksimum RM20,000 berdasarkan penilaian Agrobank.

Kos operasi pula akan dibiayai oleh Agrobank dengan jaminan daripada FELDA.

Pelaksanaan projek akan diuruskan oleh pemain industri dengan pemantauan sepenuhnya oleh koperasi atau badan peneroka. Kos pembiayaan Agrobank hanya perlu mula dibayar oleh peserta apabila projek telah berhasi.

Pengerusi FELDA, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata pihaknya yakin bahawa usaha sama dengan Agrobank akan menjadi satu jalinan yang memberi manfaat secara langsung kepada warga peneroka.

Beliau berkata, secara keseluruhan, projek usaha sama itu merasarkan pembabitkan 100 koperasi peneroka dan 500 individu.

"Nilai keseluruhan usaha sama ini adalah berjumlah RM100 juta dan dijangka akan memberi tambahan pendapatan sebanyak RM1,000 hingga RM1,500 bagi se-

tiap peneroka dalam bentuk dividen tahunan bagi projek koperasi, manakala RM500 hingga RM1,000 sebulan bagi projek individu.

"Sehingga kini, projek yang sudah disenaraikan adalah projek penanaman nanas MD2, penanaman cili secara fertigasi dan penanaman halia muda dan tanaman bernilai tinggi yang lain pada masa akan datang," katanya pada majlis memeterai PPP antara FELDA dan Agrobank di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Agrobank, Datuk Mustapha Buang, berkata menertusi kerjasama itu, pihaknya menghargai wawasan FELDA yang begitu komited sejak awal penubuhannya lagi dalam menjadikan industri pertanian sebagai tuas penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Beliau berkata, Program Pembangunan Peneroka itu akan membuka peluang baharu kepada komuniti peneroka untuk meneroka peluang pertanian yang berpotensi besar untuk menjaga pendapatan lumbayan.

"Agrobank secara konsisten terus komited dalam memacu pengamalan konsep pembangunan golongan sasaran dan komuniti setempat dengan menyediakan pembiayaan yang menyeluruh kepada komuniti Agro yang merangkumi pembiayaan rantaian penuh atau *full chain financing* seperti pembekalan hasil pertanian hingga ke pemprosesan dan penjualan produk pertanian kepada pengguna," katanya.

RM100j pembangunan peneroka

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
shafiqah.shukor@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) menandatangani perjanjian kerjasama Model Baharu Program Pembangunan Peneroka (PPP) Felda bersama Agrobank melibatkan nilai keseluruhan berjumlah RM100 juta.

Usahasama tersebut memfokuskan kepada pelaksanaan projek berskala besar dan bermula tinggi bagi meningkatkan pendapatan warga peneroka dengan penglibatan pemain-pemain industri yang bernaung di bawah Agrobank serta telah membuktikan kejayaan mereka dalam bidang masing-masing.

Pengerusi Felda, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, secara keseluruhan, projek usahasama itu menyasarkan penglibatan 100 buah koperasi peneroka dan 500 individu.

"Ia dijangka memberi tambahan pendapatan sebanyak RM1,000 hingga RM1,500 bagi setiap peneroka dalam bentuk dividen tahunan bagi projek koperasi, manakala RM500 hingga RM1,000 sebulan bagi



PENGARAH Besar Felda, Datuk Amiruddin Abdul Satar (dua dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar bertukar dokumen perjanjian kerjasama disaksikan oleh Idris Jusoh (tiga dari kiri) dan Mustapha Buang (dua dari kanan) di Menara Felda, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

projek individu.

"Sehingga kini, projek-projek yang telah disenaraikan adalah projek penanaman nanas MD2, penanaman cili secara fertigation, halia muda dan tanaman bermula tinggi yang lain pada

masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena majlis menandatangani perjanjian berkenaan di Menara Felda di sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi

Agrobank, Datuk Mustapha Buang berkata, program itu akan membuka peluang baharu kepada komuniti peneroka untuk meneroka peluang pertanian yang berpotensi besar, seterusnya menjaga pendapatan

tumayan.

Dalam pada itu, Idris enggan memberi sebarang komen mengenai pembelian saham FGV Holdings Bhd. (FGV) oleh Felda.

Felda baru-baru ini dilaporkan telah meningkatkan pembelian saham FGV sebanyak 457,300 pada harga RM1.30 se-saham di pasaran terbuka.

Dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia pada Jumaat lalu, pembelian tersebut dilakukan berdasarkan tawaran pengambilalihan tanpa syarat oleh Felda untuk memperoleh semua saham FGV yang masih ada.

Berdasarkan laporan media, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, Felda yang telah memiliki 77 peratus kepentingan dalam FGV hanya memerlukan lagi 13 peratus kepentingan ekuiti untuk menyahsenarai kumpulan tersebut dari Bursa Malaysia.

Langkah tersebut dikatakan selaras dengan hasrat kerajaan untuk membantu Felda meneguhkan kedudukan kewangannya selain memberi manfaat kepada peneroka.

Pokok strawberi dari Selising laris

Oleh TOREK SULONG
utusannews@mediamula.com.my

PASIR PUTEH: Pokok strawberi yang mulanya ditanam sebagai hobi di pekarangan rumahnya di Selising di sini tidak disangka memberi pendapatan tambahan kepada Mohd. Athif Asyraf Sukry.

Penuntut Sarjana Muda Sains Fizik, Universiti Teknologi Mara (UiTM) berusia 22 tahun itu berkata, dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama Mac tahun lalu, dia memanfaatkan masa senggang selepas belajar secara dalam talian untuk berkebun bagi menghilangkan tekanan.

Menurutnya, sehingga kini lebih 200 pokok strawberi varieti *Japanese Strawberry Charlie*, *Angle Eight* dan *Albion* ditanam.

"Saya kemudian membiakkan anak benih yang keluar dari sulur pokok bagi memenuhi permintaan pelanggan yang berminat untuk membeli secara dalam talian.

"Ada juga peminat tanaman ini datang membeli pokok di rumah saya yang terletak bersebelahan dengan Stesen Minyak BHP Selising," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Mohd. Athif Asyraf berkata, anak pokok strawberi yang dibekalkan itu dijual di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak selepas dia mempromosikannya menerusi media sosial.

Menurutnya, selain menggu-



MOHD. Athif Asyraf Sukry bersama sebahagian pokok strawberi yang ditanam di sekitar rumahnya di Selising dan mendapat permintaan tinggi sehingga ke Sabah.

nakan pasu plastik, dia juga menanam secara terus di atas batas di ruang terbuka.

Katanya, pokok strawberi yang diusahakan tahan lasak dan kebanyakannya sudah mengeluarkan buah dengan rasa lebih

manis berbanding strawberi di kawasan bersuhu dingin.

"Medium tanaman untuk pokok berpasu ialah campuran sekam padi bakar, sabut kelapa dan tinja kambing yang diproses manakala baja yang sesuai pula

jenis foliar selain menggunakan air basuhan beras.

"Harga jualan bergantung kepada saiz dan tekstur pokok bermula RM15 hingga RM35 sepasu," katanya.

Mohd. Athif Asyraf berkata,

dia berazam menjadikan aktiviti itu sebagai perniagaan keluarga kerana dia perlu kembali ke kampus pada pertengahan bulan depan dengan adik-beradik lain akan mengambil alih perniagaan itu.

FAMA boleh pasarkan buah

KUANTAN: Pengusaha strawberi yang berdepan lambakan buah ekoran kekurangan pelancong ke Cameron Highlands diminta menjalinkan usahasama dengan Jabatan Pertanian negeri dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, usahasama itu bagi membolehkan produk strawberi dijual di pasar tani dan pasar pagi di seluruh negeri ini.

"Kerajaan negeri boleh minta Jabatan Pertanian dan FAMA mengadakan pertemuan dengan pengusaha di Cameron Highlands bagi membincangkan hal ini," katanya di sini semalam.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan dalam seminggu ini diang-

garkan kira-kira 20 tan strawberi Cameron Highlands tidak terjual.

Difahamkan, lambakan itu membabitkan kira-kira 20 pengusaha buah berkenaan. Cameron Highlands juga berdepan masam tiada penguji ke situ akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tinjauan di sebuah ladang strawberi mendapati terdapat buah busuk di atas pokok kerana terlalu ranum kerana tidak dikutip pengusahanya.

Situasi sedemikian berlaku kerana strawberi yang disimpan terlalu banyak menyebabkan peti simpanan dingin yang dimiliki pengusahanya penuh.

Utusan Malaysia juga difahamkan, ketika pelaksanaan PKP tahun lalu, terdapat pengusaha strawberi yang terpaksa

membuang kira-kira tujuh hingga lapan tan buah berkenaan kerana rosak dan busuk.

Ini sekali gus menyebabkan kerugian kepada pengusahanya yang mana secara kebiasaannya strawberi dijual antara RM20,000 ke RM30,000 satu tan.

Wan Rosdy berkata, selain menjalinkan usahasama dengan Jabatan Pertanian dan FAMA, pengusaha strawberi di Cameron Highlands boleh menghantar buah itu keluar dari negeri ini.

"Ini kerana rentas negeri dibenarkan jika pengusaha hendak jual strawberi luar dari Pahang, cuma pelancong luar negeri saja tidak dibenarkan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Mustahapa Awang berkata,

Anggaran nilai kerugian RM1.2 juta sebulan

20 tan lambakan strawberi seminggu

Sebuah ladang strawberi di Cameron Highlands berdepan masalah lambakan buah kerana kekurangan pelancong ke sini akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
Pengusaha strawberi di sini berkata, mereka terpaksa membuang kira-kira 20 tan buah strawberi yang rosak dan busuk kerana tidak dapat dijual.
Mereka juga berdepan kerugian yang besar kerana buah strawberi yang ditanam di ladang itu memerlukan masa beberapa minggu untuk matang.
Pengusaha itu berkata, mereka terpaksa menjual buah strawberi yang rosak dan busuk dengan harga yang sangat rendah.
Mereka juga berdepan masalah kekurangan tenaga kerja kerana kebanyakan pekerja di sini telah pulang ke rumah mereka.
Mereka berharap kerajaan negeri dapat membantu mereka dengan menghantar buah strawberi ke luar negeri.

UTUSAN Malaysia
15 MAC 2021



agensi itu boleh membantu memasarkan lambakan strawberi Cameron Highlands ke sekitar Lembah Klang dan Kelantan serta dikembangkan ke seluruh semenanjung.

Katanya, FAMA akan membantu mengaturkan pasaran atau menemukan pembeli

pembeli serta pengusaha strawberi.

"Pengusaha strawberi akan dibimbing untuk memasarkan dan mempromosikan strawberi secara dalam talian menerusi Portal Agrobazaar Online, Shoppe, Facebook Marketplace dan aplikasi kumpulan WhatsApp," katanya ketika dihubungi.

16/8/2021

SINAR HARIAN

NEGERI JOHOR/
MELAKA

26

Nasib 300 nelayan masih samar

Pertemuan dengan wakil pengurusan, KMB gagal capai kata sepakat

Oleh NOR FARHANA YAAACOB

MELAKA

Lebih 300 nelayan Melaka Selatan termasuk yang berdaftar masuk yang berdaftar merayu kerajaan Melaka campur tangan dalam isu tambahan laut dan pembinaan jeti pelabuhan berhampiran Jeti Nelayan Kampung Hailam.

La susulan tiada situasi menang-menang dicapai selepas pertemuan antara wakil pengurusan Tanjung Bruas dan Kumpulan Melaka Berhad (KMB) di Pe-

jabat Tanjung Bruas pada Isnin.

Ketua Komuniti Nelayan Tanjung Kling, Aziz Japar berkata, pihaknya terkejut apabila projek tambak laut lima fasa itu bukan membabitkan 600 meter, tetapi 750 meter.

Menurutnya, pertemuan dua mata antara pihak berkenaan didakwa tidak memberi jaminan an nasib nelayan yang terjejas akan terbela seperti pemberian pampasan yang setimpal.

"Nelayan tidak menolak

pembangunan, tetapi jangan pinggir atau nafi hak mereka.

"Mereka cuma beritahu akan berunding dengan kerajaan negeri dan kita berharap ada kaedah untuk membantu," katanya selepas sesi taklimat itu pada Isnin.

Hadir sama, Pengurus Besar Tanjung Bruas Port Sdn Bhd, Mohamad Nizam Ibrahim, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Melaka Berhad (KMB), Ir Khairul Izzuan Han dan Pegawai Lembaga Pelabuhan Melaka, Kamal Arifin Idris.

Pada Sabtu, lebih 300 nelayan di perairan Tanjung Kling gusar apabila mata pencarian mereka terjejas akibat projek pembinaan laut dan pembinaan jeti pelabuhan berhampiran Jeti Nelayan Kampung Hailam sejak awal bulan ini.

Mereka mendakwa projek pembinaan jeti pelabuhan sepanjang 600 meter berhampiran Tanjung Bruas itu telah menyukarkan nelayan ke laut hingggakan ada antara nelayan



Nor Azman menunjukkan pelan peminjangan Jeti Tanjung Bruas yang membabitkan lima fasa ketika sesi taklimat itu di Pejabat Tanjung Bruas Sdn Bhd pada Isnin.

terpaksa menangkap ikan sehingga hampir ke Pulau Besar.

Mengulas lanjut, Aziz berkata, beliau bersedia untuk bertemu Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali agar projek fasa seterusnya sepanjang hampir 600 meter dibatalkan.

"Setakat ini pada fasa pertama tahun 2017 telah diluluskan peminjangan jeti 50 meter itu pun tidak dimaklumkan kepada nelayan dan saya harap permohonan mereka untuk fasa seterusnya dibatalkan jika

tidak nelayan akan terus hilang punca pendapatan dan tidak dapat ke laut," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Datuk Nor Azman Hasan berkata, beliau akan membantu mengatarkan pertemuan nelayan bersama Ketua Menteri.

"Saya harap ada kaedah yang boleh kita bantu nelayan seperti pembinaan kelong agar boleh menambah pencarian seperti membawa kaki pancing atau pelancong," katanya.

300 nelayan bimbang sumber rezeki terjejas

Projek tambak laut dan pembinaan jeti pelabuhan didakwa menyukarkan mereka

oleh NOR FARHANA YAAACOB

MELAKA

Lebih 300 nelayan termasuk yang berdaftar masuk yang berdaftar merayu kerajaan Melaka campur tangan dalam isu tambahan laut dan pembinaan jeti pelabuhan berhampiran Jeti Nelayan Kampung Hailam.

La susulan tiada situasi menang-menang dicapai selepas pertemuan antara wakil pengurusan Tanjung Bruas dan Kumpulan Melaka Berhad (KMB) di Pe-

jabat Tanjung Bruas pada Isnin.

Ketua Komuniti Nelayan Tanjung Kling, Aziz Japar berkata, pihaknya terkejut apabila projek tambak laut lima fasa itu bukan membabitkan 600 meter, tetapi 750 meter.

Menurutnya, pertemuan dua mata antara pihak berkenaan didakwa tidak memberi jaminan an nasib nelayan yang terjejas akan terbela seperti pemberian pampasan yang setimpal.

"Nelayan tidak menolak

pembangunan, tetapi jangan pinggir atau nafi hak mereka.

"Mereka cuma beritahu akan berunding dengan kerajaan negeri dan kita berharap ada kaedah untuk membantu," katanya selepas sesi taklimat itu pada Isnin.

Hadir sama, Pengurus Besar Tanjung Bruas Port Sdn Bhd, Mohamad Nizam Ibrahim, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Melaka Berhad (KMB), Ir Khairul Izzuan Han dan Pegawai Lembaga Pelabuhan Melaka, Kamal Arifin Idris.

Pada Sabtu, lebih 300 nelayan di perairan Tanjung Kling gusar apabila mata pencarian mereka terjejas akibat projek pembinaan laut dan pembinaan jeti pelabuhan berhampiran Jeti Nelayan Kampung Hailam sejak awal bulan ini.

Mereka mendakwa projek pembinaan jeti pelabuhan sepanjang 600 meter berhampiran Tanjung Bruas itu telah menyukarkan nelayan ke laut hingggakan ada antara nelayan

terpaksa menangkap ikan sehingga hampir ke Pulau Besar.

Mengulas lanjut, Aziz berkata, beliau bersedia untuk bertemu Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali agar projek fasa seterusnya sepanjang hampir 600 meter dibatalkan.

"Setakat ini pada fasa pertama tahun 2017 telah diluluskan peminjangan jeti 50 meter itu pun tidak dimaklumkan kepada nelayan dan saya harap permohonan mereka untuk fasa seterusnya dibatalkan jika

Laporan Sinar Harian pada Sabtu.

Projek memanjangkan Jeti Tanjung Bruas didakwa jejas pendapatan 300 nelayan

'Bagaimana kami hendak cari rezeki?'

MELAKA - Lebih-300 nelayan mendakwa projek memanjangkan Jeti Tanjung Bruas, Tanjung Kling di sini sejauh 750 meter bakal menjejaskan perniagaan mereka.

Ketua Jaringan Pengkalan Nelayan, Azmin Leman mendakwa, pihaknya hanya mengetahui mengenai projek memanjangkan jeti itu selepas mengesan kerja-kerja pembinaan cerucuk di lokasi di jeti tersebut bukan lalu.

"Pandanglah kami yang mencari rezeki sebagai nelayan, andai kata dilanjutkan projek ini macam mana kami nak cari makan.

"Kami tidak menolak peminangan dan sedar perkara ini juga demi kebaikan generasi akan datang.

"Namun, janganlah ketepikan kami, panggil kami dan berbincang seperti hari ini (semalam), kami mahu tahu nasib kami nanti kerana sudah semestinya perairan akan bertambah sibuk dengan pembukaan jeti baru



AZMIN

itu, bagaimana kami hendak cari rezeki," katanya.

Beliau ditemui selepas sesi taklimat penerangan kerja-kerja fasa 1A penyambungan jeti 50 meter dan lain-lain kerja Marin di Jeti Tanjung Bruas, Tanjung Kling di sini semalam.

Perbincangan itu diadakan oleh Tanjung Bruas Port Sdn. Bhd. yang dipengerusikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Datuk Nor Azman Hasan dan disertai wakil dari



BEBERAPA wakil agensi termasuk nelayan melawat tapak projek pembinaan memanjangkan Jeti Tanjung Bruas, Tanjung Kling semalam.

da Lembaga Pelabuhan Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Tambah Azmin, bagaimana

pun setakat ini tiada sebarang jaminan diberikan pihak terlibat mengenai nasib nelayan, sebaliknya perlu menunggu hasil perbincangan bersama Ketua

Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali.

Sementara itu, Nor Azman berkata, pihaknya akan menguruskan pertemuan antara wakil nelayan dengan Sulaiman sepatutnya untuk mencari jalan penyelesaian bagi isu tersebut.

"Pembinaan jeti ini akan dilakukan secara berperingkat meliputi lima fasa. Setakat ini, hanya fasa pertama telah diulaskan kerajaan melibatkan peminangan sepanjang 50 meter dan kerja pembinaan cerucuk dilakukan pada bulan lalu.

"Kita akan mengadakan perjumpaan dengan Ketua Menteri dan antara cadangan yang akan dikemukakan adalah membina kelong-kelong bagi memastikan nelayan masih boleh menjana sumber pendapatan."

Dalam pada itu, wakil Pengerusi Besar Tanjung Bruas Port, Mohamad Nizam Ibrahim memberitahu, projek memanjangkan jeti itu dijangka siap 2026.

Jangan aniaya haiwan, serah pada PBT

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**
fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Orang awam diingatkan tidak menganiaya haiwan termasuk anjing liar walaupun keselamatan mereka terancam atau terganggu dengan bunyi bising.

Gangguan haiwan sepatutnya dilaporkan kepada Pihak Berkualiti Tempatan (PBT) yang menguruskan masalah tersebut. Haiwan termasuk anjing liar antara binatang dilindungi di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Arie Dwi Andika berkata, tiada masalah dalam aspek hukuman dan penguatkuasaan undang-undang sebaliknya hanya sikap masyarakat yang masih kurang prihatin tentang hak haiwan.

"Kita ambil contoh di Australia yang menjalankan pengurusan haiwan liar sangat baik.

"Kekangan dihadapi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ketika ini melibatkan provokasi sege-lintir pihak yang kurang senang dengan kehadiran anjing liar, malah ada suara-suara memper-lekeh perjuangan hak haiwan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kelmarin, tular dalam media sosial seorang lelaki memburnuh anjing liar dengan memarahnya dalam kejadian di Alor Setar, Kedah.

Video itu terpapar menerusi rakaman dalam kamera litar tertutup (CCTV) menyebabkan dua lelaki ditahan.

Senada dengan Arie Dwi, Pengasas Malaysia Independent Animal Rescue, T. Puspa Rani berkata, sebagai NGO tidak banyak yang boleh dilakukan melainkan terus memberi kesedaran kepada masyarakat melalui kempen.

"Ini bukan perkara baharu dan apa-bila berlaku isu kezaliman terhadap haiwan, perkara sama berulang seperti hukuman, undang-undang, langkah menangani yang agak klise masa sekarang. Masyarakat perlu dibimbing kerana tahap kesedaran masih rendah," katanya.

ARIE DWI ANDIKA
gesa masyarakat tidak menganiaya haiwan termasuk anjing liar.



A-GC TO DECIDE ON FURTHER ACTION

Probe papers on meat cartel suspects submitted

JOHOR BARU: The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) has submitted investigation papers on suspects linked to the meat cartel to the Attorney-General's Chambers (A-GC) for further action.

Johor MACC director Datuk Azmi Alias said the papers were submitted two weeks ago.

"We are waiting for a decision from the A-GC on whether there is a need for us to investigate further or for the suspects to be charged."

He said 12 suspects had been arrested in connection with the case, including civil servants, company directors and agents.

"Besides us, other agencies like the police, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and Malaysian Quarantine and Inspection Services are also investigating."

He was speaking after the launch of the MACC Anti-Corruption CD by MACC Deputy Chief Commissioner (Prevention) Datuk Seri Shamsun Baharin Mohd Jamil.

It was reported that the cartel has been importing non-certified meat and selling it as halal in Malaysia.

The cartel has reportedly been operating for more than 40 years by importing meat



Datuk Azmi Alias

from non-halal-certified slaughterhouses in a few countries, such as Brazil, Bolivia, Canada, Colombia, Spain and Mexico.

The meat would be taken to warehouses and mixed with halal-certified meat and repackaged with fake halal logos, then sold in the market.

On another matter, Azmi said the MACC had also submitted investigation papers to the A-GC on claims by PKR's Sekijang member of parliament Natrah Ismail that she was offered a RM10 million bribe to switch parties.

"We are waiting for a decision from the A-GC. Four witnesses were called for the investigation, including Natrah."

Earlier this month, Natrah claimed she was approached to switch parties and support Perikatan Nasional and Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

She claimed that she was approached by two people, including someone with a Datuk Seri title, asking if she was interested in supporting Muhyiddin and promised benefits in return.

She lodged a report on the matter at the Segamat MACC branch office.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

Hasil harumanis merosot

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
utusannews@mediamulia.com.my

KANGAR: Pengusaha memelihara harumanis menjangkakan hasil jualan tahun ini turun 50 peratus didorong oleh kekurangan buah akibat taburan hujan tinggi pada hujung tahun lalu.

Seorang pengusaha, Abdul Rahman Hussain, 42, yang mengusahakan kebun di kawasan seluas 0.28 hektar itu berkata, hasil jualan dijangka sekitar RM10,000 sahaja bagi musim ini berbanding RM18,000 tahun lalu.

Katanya, kekurangan hasil juga akan menjadikan harga buah ikonik Perlis itu meningkat yang mana dia akan menjual dengan harga RM25 sekilogram berbanding RM20 bagi musim lalu.

"Buah yang akan dijual nanti adalah daripada bunga kali kedua dan ketiga kerana bunga kali pertama banyak yang tidak menjadi akibat hujan hampir setiap hari pada hujung tahun lalu.

"Jumlah buah yang dibalut daripada keseluruhan 70 pokok matang adalah 3,000 sahaja berbanding 6,000 pada tahun lalu.

"Buah untuk bunga pertama, kami dapat tuai sebanyak 50 biji sahaja dan itu pun kami tidak jual, hanya untuk makan sendiri serta diberi kepada kawan-kawan yang datang ke rumah," katanya ketika ditemui di Kampung Pulau, Kuala Perlis, di sini semalam.

Sementara itu, Abdul Rahman memberitahu, ketidakberhasilan bunga harumanis pada kali pertama juga mendorong kepada kelewatan hasil buah tersebut di pasaran pada tahun ini.

Katanya, harumanis bagi musim ini dijangka hanya boleh dituai dan berada di pasaran sekitar bulan puasa iaitu pertengahan April iaitu lewat dua bulan berbanding tahun lalu, pada Februari.

Menurutnya, hasil buah daripada kebun tersebut yang terdiri daripada bunga untuk kali kedua dan ketiga dijangka dituai secara berperingkat sehingga Jun.

Jelasnya, permintaan terhadap harumanis amat tinggi yang mana ramai pelanggan tetapnya sudah mula menanyakan serta mahu menempah buah yang masih di pokok kerana tidak mahu terlepas menikmati keenakan memelihara tersebut.



ABDUL Rahman Hussain membalut memelihara harumanis bagi mendapatkan hasil buah yang baik tanpa serangan serangga perosak di kebunnya di Kampung Pulau, Kuala Perlis, semalam.
- UTUSAN/NAZLINA NADZARI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	25

BIOLOGI ARNAB

- » **Kelas:** Mamalia
- » **Order:** Lagomorpha
- » **Famili:** Leporidae
- » **Subfamili:** Leporinae
- » **Genus:** *Oryctolagus*
- » **Spesies:** *Cuniculus*
- » Diklasifikasikan sebagai haiwan herbivor bukan ruminan.
- » **Tekstur:** Arnab betina biasanya lebih besar sedikit daripada arnab jantan.
- » **Kelaziman:** Arnab berkomunikasi melalui pandangan, pendengaran dan juga bau. Arnab mudah cemas. Jika ketakutan, haiwan ini akan menjerit dengan kuat dan berlari-lari mengelilingi sangkarnya. Arnab yang diternak menganggap sangkar kurungan sebagai kawasan jagaan dan ditandai dengan air kencingnya.



KARKAS atau daging arnab yang diproses sendiri oleh Mohd. Edzuddin dijual pada harga RM35 hingga RM38 sekilogram bergantung kepada pasaran runcit dan borong di seluruh negara.



MOHD. Edzuddin (Idri) bersama baka pejantan *Hypharm PS119* memfild kudrat mengawan yang tinggi diternak untuk tujuan pembikinan baka di Pasir Puteh, Kelantan.



HOLLAND HOP



ARNAB CALIFORNIAN

Hyla Optima dan GP Optima. "Kesemua arnab ini menaiki pesawat kargo dari kota Paris tiba di lapangan terbang Doha, Qatar dalam tempoh lebih lapan jam akan bertukar pesawat dari Doha ke Kuala Lumpur untuk tempoh lebih 12 jam sebelum diberi penginapan di hotel haiwan dalam keadaan selesa dengan diet makanan yang mencukupi. "So baka hypharm yang terdapat di negara ini kesemuanya diternak dalam bangsal khas (ban) yang dilengkapi dengan pendingin hawa yang mengguna pakai suhu 18 darjah celsius dengan diet makan palet sebanyak 10 gram sehari untuk seekor selain makanan tambahan lain," ujarnya.

Mohd. Edzuddin berkata, spesis arnab ini mampu mencapai berat di antara 5.3kg hingga 7kg untuk tempoh usia empat bulan. "Hasil teknologi yang dipelajari kami tidak digalakkan menjual daging mahu pun induk migran yang diterbangkan ke negara ini tetapi lebih digalakkan menjual sperma pembaka jantan kepada pengusaha baharu yang ingin menjalankan industri mengeluarkan daging arnab. "Teknologi penyimpanan sperma turut diajar selain kaedah pemanian berhadah dalam menghasilkan anak hybrid yang lebih subur dan kukuh dengan iklim setempat. "Saya yakin industri ini berpotensi dikembangkan secara komersial termasuk mampu menjadi hab halal daging arnab untuk dieksport pada masa akan datang," ujarnya.

Urus niaga dan transaksi pembayaran adalah dalam nilai matawang dolar dan sebahagian negara menggunakan matawang Euro. Mohd. Edzuddin berkata, peluang sebagai pengusaha pertama *hypharm* di negara ini tidak dilepaskannya dengan mencari rangkaian usahawan

ternak di Kajang, Selangor dan Manir, Kuala Terengganu untuk memelihara induk jantan dan betina yang setakat ini hanya 50 ekor sahaja. Katanya, tambahan 200 ekor lagi induk *hypharm* bakal tiba pertengahan bulan ini yang melibatkan variasi PS59, PS119, NGPC, GP25, PS Hyphos Optima, PS